



JILID 4. No. 2 1994

PERCUMA UNTUK AHLI SAHAJA

ISSN:0128-3510


Membentuk Masyarakat Membaca

Selaras dengan hasrat kerajaan menjadikan Malaysia sebuah negara maju menjelang tahun 2020, rakyat Malaysia khasnya haruslah rajin membaca bahan-bahan berunsur pengetahuan dan kemahiran untuk menjadikan diri mereka berilmu dan bermaklumat. Membaca bolehlah ditakrifkan sebagai satu proses komunikasi secara langsung diantara pembaca dengan bahan bacaan dan secara tidak langsung dengan penulisnya. Tabiat membaca ataupun 'reading habit' pula bolehlah dikatakan satu tingkah laku yang terbit daripada kesediaan seseorang untuk membaca sesuatu yang berfaedah tanpa apa-apa tekanan dari dalam ataupun dari luar dirinya sendiri.

Antara lain tujuan membaca ialah untuk menambahkan ilmu, memetik maklumat yang diperlukan, mempertingkatkan daya keintelektualan, menikmati keindahan ciptaan kreatif, memperkayakan bidang bahasa dan sebagainya.

Melalui pembacaan akan dapat memupuk masyarakat yang berilmu dan bermaklumat. Bagi mereka yang tidak tahu membaca atau tidak gemar membaca mereka tidak akan peka dengan keadaan sekelilingnya dan mereka juga akan dikatakan tidak bertamadun.

Membaca di sini tidaklah hanya terhad kepada bahan bacaan ringan seperti akhbar dan majalah tetapi yang dimaksudkan ialah membaca buku-buku ilmu pengetahuan, ilmiah, fiksyen dan sebagainya lagi. Kebanyakan rakyat Malaysia adalah celik huruf, boleh membaca dan menulis, kita juga tidak kekurangan bahan bacaan. Pelbagai penerbit menerbitkan akhbar, majalah dan juga buku-buku ilmu pengetahuan



untuk rakyat negara ini, namun beberapa kajian yang dijalankan didapati sikap suka membaca masih berkurangan dan masyarakat kita masih kurang menghayati budaya membaca.

Untuk menjadikan membaca sebagai satu budaya masyarakat maka tabiat membaca dikalangan setiap individu adalah berkaitan. Terdapat pelbagai kaedah dan langkah untuk memupuk sikap gemar membaca di kalangan masyarakat. Ibubapa merupakan individu penting yang dapat memainkan peranan bagi menyemai sikap suka membaca dikalangan ahli keluarga. Anak-anak perlulah dididik berjinak-jinak dengan buku sejak kecil lagi. Pepatah ada mengatakan melentur buloh biarlah dari rebungnya.

Aktiviti-aktiviti tertentu boleh diwujudkan di rumah dengan ibubapa sendiri haruslah menunjukkan sikap suka membaca. Ini akan mendorong anak-anak untuk mengikuti tabiat membaca mereka itu. Melalui

contoh yang baik dengan pendekatan bahan bacaan yang berfaedah lama-kelamaan anak-anak akan terdedah dengan bahan bacaan yang dihidangkan kepada mereka. Bagi ibubapa yang berkemampuan bolehlah mewujudkan perpustakaan mini di rumah. Ibubapa juga haruslah bijak memilih bahan-bahan bacaan yang sesuai dengan anak-anak mereka. Selain itu membawa anak-anak ke perpustakaan awam untuk meminjam buku yang sesuai dengan minat mereka adalah satu langkah yang amat baik. Dengan pelbagai kaedah seperti ini sifat suka membaca akan dapat ditanam dijiwa anak-anak.

Kerajaan melalui agensi-agensi yang berkaitan telah melancarkan kempen membaca di peringkat sekolah, universiti dan juga orang awam. Tujuan hanyalah satu menggalakan sikap suka membaca di kalangan masyarakat. Pihak sekolah

Sambungan di muka dua

Dari Meja Pengarang

Para Pembaca Sekelian

Selamat bertemu sekali lagi di keluaran kedua Buletin Pustaka 1994.

Kita sudah sampai ke penghujung tahun 1994. Tahun 1995 akan menjelang dalam beberapa hari lagi. Dalam keadaan dunia hari ini, masa berlalu dengan pantas sekali. Kita tidak sedar 1994 berlalu dengan bermacam cerita - kejayaan, kegagalan, perperangan dan banyak lagi. Bukan itu saja malah dunia juga hampir menjadi kecil, kita dapat mengetahui apa yang berlaku di seluruh dunia dengan mudah dan pantas.

Semua ini adalah kejayaan manusia mencipta berbagai teknologi canggih yang mampu mempengaruhi hidup manusia sehari-hari. Ledakan maklumat yang pesat semakin menjadikan seseorang boleh kesulitan jika kurang atau tidak mengerti perkembangan semasa.

perkembangan semasa.

Pustaka mempunyai peranan dalam mengumpul dan menyebarkan maklumat. Buku, akbar, majalah merupakan bahan tradisi yang kaya dengan maklumat. Kini terdapat maklumat berkomputer yang lebih canggih dari bahan buku dan majalah, ianya menjadi saingan yang hebat. Program TV dan radio juga semakin hebat, ini juga menjadi satu persaingan. Pustaka harus terus maju dan berdaya saing.

Tahun 1995 Pustaka genap 7 tahun. Ahli-ahlinya semakin meningkat begitu juga perkhidmatan. Mulai tahun 1995 Pustaka akan mengadakan koleksi buku-buku profesional untuk mereka yang menuntuk secara persendirian atau jarak jauh. Tunggu kewujudannya.

Sampai jumpa lagi.

Selamat Tahun Baru

Alimah Salam

Sidang Pengarang

Penasihat
En. Alias bin Hj Muda

Ketua Editor:
Hajah Alimah Salam

Editor:
Mohd Aziz bin Abas
Rosidah bt Hj Ismail

Jurufoto:
Ahmad Junaidi Bin Hj Tajudin

Buletin Pustaka
Pustaka Peringatan
Kuala Lumpur,
92 Jalan Raja,
50050 Kuala Lumpur
Tel: 9232908/2924780

Rekabentuk:
Iktisab Enterprise
Dicetak oleh:
Percetakan Zafar


I • N • T • I • S • A • R • I

- | | |
|--|---|
| <p>1 Membentuk Masyarakat Membaca</p> <p>3 Warisan: Masjid Jamek – Masjid tertua di Kuala Lumpur</p> <p>4 Berita Aktiviti</p> <p>5 Ulasan Buku</p> | <p>6& 7 Aktiviti Pustaka</p> <p>8 Rencana</p> <p>9 Tahukah Anda?</p> <p>10 Mari Cuba</p> <p>11 Personaliti KL</p> <p>12 Puisi</p> |
|--|---|

Mutiara Kata

“ Bagaimanapun pintarnya seseorang, fikirannya tidak akan mencakup semua persoalan. Bertambah tinggi kedudukannya bertambah jelaslah kelemahannya ”.

-HAMKA-



Masjid Jamek

Pada zaman awal Kuala Lumpur setelah perlombongan bijih timah menjadi suatu kegiatan ekonomi yang penting, Kuala Lumpur terbahagi kepada dua bahagian tempatan. Orang Melayu menduduki di sebelah utara, manakala orang Cina pula di sebelah selatan. Terdapat dua buah perkampungan Melayu yang utama - Kampung Rawa (terletak lebih kurang di tapak pejabat Bank Bumiputra dan Jalan Melaka hari ini) dan Kampung Jawa (terletak di tapak Masjid Jamek sekarang). Penduduk Melayu Kuala Lumpur terdiri daripada beberapa kumpulan yang berlainan - Bugis, Jawa, Rawa, Mendeling, Minangkabau, Batu Bahara dan Kampar. Ketua bagi semua penduduk Melayu itu bergelar Datuk Dagang.

Penempatan orang Melayu memperlihatkan wujudnya rumah-rumah Melayu, tanah perkuburan dan pembinaan masjid-masjid. Persekutuan tahun 1890an, terdapat tanah perkuburan Islam yang terletak di atas tanah tiga segi di tepi muara sungai (pertemuan Sungai Klang dan Sungai Gombak) di mana tapaknya sekarang terbinanya sebuah masjid yang tersergam kini sebagai tanda memperingati penempatan terawal orang Melayu.

Sebelum akhir abad ke 19, tiga buah masjid telah dibina. Masjid yang pertama terletak di Kampung

Masjid Tertua di Kuala Lumpur

Melaka, kini merupakan masjid di Jalan Masjid India. Pada asalnya ia dibinakan oleh orang Melayu Melaka. Masjid yang kedua pula dibina oleh penduduk Minangkabau di tapak yang sekarang ini betul-betul berhadapan dengan Syarikat Gian Singh (di Jalan Tun Perak yang dahulunya Java Street). Masjid yang ketiga, yang terletak di kawasan Kampung Baru (pada asalnya dikenali sebagai Penempatan Pertanian Melayu) telah dibina kemudianya.

Masjid asal Kuala Lumpur yang terletak di tapak bangunan Syarikat Gian Singh tidak diketahui tarikh bila ia dibina. Ada kemungkinan ia dibina di persekitaran tahun 1870an.

Perkembangan Kuala Lumpur selepas penubuhan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (Federated Malay States - FMS) - Selangor, Perak, Pahang dan Negeri Sembilan menjadikan bilangan orang-orang Melayu bertambah dengan pesatnya. Oleh yang demikian kerajaan telah mengambil semula tanah di mana terletaknya masjid lama dan membeli sebidang tanah dari Nakhoda Usoh untuk didirikan sebuah masjid baru yang terletak berhampiran dengan jambatan Java Street. Masjid baru ini dikenali sebagai Masjid Jamek.

Masjid Jamek di Jalan Tun Perak merupakan masjid yang tertua di bandaraya Kuala Lumpur. Masjid ini siap dibina pada akhir tahun 1909. Pembinaan masjid ini dilakukan dengan kerja-kerja perletakan batu asas pada 23 Mac 1908, sewaktu pemerintahan Sultan Sulaiman. Masjid ini telah dibuka dengan rasminya oleh Sultan Alauddin Sulaiman Shah pada 23 Disember 1909. Raja Mahmud Ibni Sultan Muhammad telah dilantik sebagai nazir masjid ini. Imam pertama adalah Haji Osman Bin Abdullah lebih dikenali sebagai Pak Imam.

Masjid Jamek telah dibina mengikut rekabentuk Encik A.B. Hubcock, Penolong Arkitek, Jabatan Kerja Raya, bercorak awan larat dan terdiri daripada bangunan Masjid ini sendiri. 40 kaki panjang dan 100 kaki lebar dan sebuah halaman di hadapan, 56 kaki panjang dan 101 kaki lebar. Di dua penjuru halaman yang paling jauh dari masjid ini terdapat dua buah menara yang tiap-tiap satunya tingginya 83 kaki dan berbentuk bulat sebelum sampai ke tingkat atas. Tembok gerbang yang memagari di tiga sisi, bangunan masjid di sisi keempat, di tiap-tiap sisi

Sambungan di muka empat

SEKITAR AKTIVITI PPKL TAHUN 1995

1. PROGRAM BENIH 1995

Pustaka Peringatan Kuala Lumpur dan Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan akan menganjurkan program pertandingan membaca yang dinamakan Program Benih untuk pelajar-pelajar sekolah rendah dan menengah di Kuala Lumpur mulai dari bulan Januari 1995. Ianya terbuka kepada semua pelajar, dan mereka yang berminat boleh mendapatkan maklumat dari guru-guru di sekolah mereka.

Program Benih 1995 ini dilancarkan oleh YB. Dr. Leo Micheal Toyad, Timbalan Pendidikan Malaysia pada 20 Disember 1994 bertempat di auditorium Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Objektif Program Benih

- Mewujudkan budaya membaca dikalangan pelajar-pelajar sekolah rendah dan menengah di Wilayah Persekutuan.
- Melatih pelajar-pelajar memahami apa yang dibaca, menulis dan melapor.
- Melatih pelajar-pelajar berfikir dan memberi perwaja-

Matlamat

Program ini dijangka dapat membantu pelajar-pelajar membaca

dengan banyak buku-buku lain selain dari buku-buku teks sekolah. Ianya juga diharap dapat menyemai minat membaca ini supaya ianya menjadi tabiat yang berterusan dalam hidup pelajar.

"Membaca Menghidup Suburkan Minda"

2. PERTANDINGAN CATUR TERBUKA 1995

Sempena Hari Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Pustaka Peringatan Kuala Lumpur akan mengadakan Pertandingan Catur Terbuka 1995. Pertandingan catur ini akan diadakan pada 28.1.1995 bertempat di Plaza Putra Kuala Lumpur, jam 9.00 pagi. Kepada ahli-ahli yang berminat boleh dapatkan borang pendaftaran di Pustaka Peringatan Kuala Lumpur.

Yuran Pendaftaran adalah seperti berikut:

| | |
|-----------------------|---------|
| Ahli Kelab catur PPKL | Percuma |
| Ahli PPKL | RM5.00 |
| Bukan Ahli PPKL | RM10.00 |
| Remaja bawah 16 Tahun | RM 6.00 |

Pertandingan catur ini anjuran Pustaka Peringatan Kuala Lumpur dan Plaza Putra, Dataran Merdeka. Untuk maklumat lanjut sila hubungi En. Mohd Aziz bin Abas No. Tel:- 2924780/ 2932908.

Sambungan dari muka satu

Sambungan dari muka tiga

juga sering melancarkan kempen membaca, menyediakan pusat sumber, perpustakaan juga sudut membaca. Beberapa aktiviti menarik seperti perbincangan mengenai buku yang dibaca, membuat ulasan buku, peraduan mengaang, bercerita dan sebagainya lagi boleh mendorong para pelajar membaca.

Walaupun berbagai kempen telah diadakan namun kita belum mencapai tahap yang membanggakan. Justru itu semua pihak samada dari kerajaan ataupun swasta harus mengembangkan tenaga dan usaha untuk meningkatkan minat membaca dikalangan rakyat negara ini khususnya untuk tujuan menimba ilmu dan memajukan diri. Kemudahan seperti pusat membaca dan perpustakaan awam di peringkat desa, kampung, daerah dan bandar perlu disediakan dengan lebih meluas lagi. Pihak sekolah juga perlu mencari kaedah pendidikan yang berkesan untuk menggalakkan lebih ramai rakyat Malaysia membaca bukan sahaja untuk mengisi masa lapang atau hiburan semata-mata tetapi untuk menghayati pendidikan seumur hidup dan menjadi masyarakat yang berilmu.

Kesimpulannya sikap suka membaca haruslah disemai sejak peringkat awal lagi supaya masyarakat negara ini menjadi sebuah masyarakat yang maju dalam segala bidang setanding dengan bangsa lain selaras dengan matlamat wawasan negara.

Oleh: Mohd Aziz Abas

Bahagian Sirkulasi

tembok itu terdapat satu pintu masuk. Bahagian sebelah dalam halaman itu terbuka, kecuali di tengah-tengahnya terdapat sebuah kolam mandi, dan dari situ ada tangga yang menuju ke-tiga buah pintu masuk ke dalambangunan utamanya. Ini sahaja pintu-pintu yang ada, walaupun terdapat tingkap-tingkap yang mempunyai cermin berwarna di sekelilingnya. Bumbung bangunan masjid ini mempunyai tiga buah kubah. Kubah di tengah yang mempunyai bahagian dinding atas bertingkap disekelilingnya, tingginya 70 kaki. Bahan-bahan yang digunakan batu-bata dengan tuangan konkrit dan lepa, walaupun tiga buah kubah itu diperbuat daripada kayu yang diliputi dengan bumbung maltoid, bercat putih, manakala lantainya pula terdiri daripada jubin Doulton, yang bercorak seperti tikar sembahyang orang Melayu. Jumlah kos bangunan ini ialah RM37,000.00 dan daripada jumlah ini sebahagian daripadanya telah diberikan oleh Kerajaan, manakala yang selebihnya disumbangkan oleh orang-orang Islam sendiri.

Masjid Jamek adalah lambang warisan umat Islam di Kuala Lumpur. Masjid ini menjadi masjid utama menunaikan sembahyang Jumaat sehingga Masjid Negara di bina dan dirasmikan pada 27 Ogos 1965. Mulai 1982 hingga 1984, sebanyak RM4 juta telah diperuntukan bagi ubahsuai dalam usaha memelihara keindahan masjid ini.

Oleh: Ahmad Junaidi bin Hj Tajuddin

Tajuk
PENGHAYATAN WAWASAN PEMBANGUNAN NEGARA

Pengarang
Nik Azis Nik Pa

KESEDARAN yang mendalam terhadap pencepatan perubahan dan keterbelakangan hidup dalam era globalisasi telah menimbulkan semangat baru untuk membangunkan Malaysia menjadi sebuah negara perindustrian yang maju mengikut acuan tempatan. Dalam mencapai aspirasi pembangunan, perubahan teras yang membabitkan beberapa unsur seperti pembangunan manusia, penglibatan aktif, fungsi ideal dan realiti, proses kreativiti, reformasi pendidikan, penerapan nilai-nilai murni dan proses penilaian merupakan perubahan yang kritikal. Ini persimpangan jalan dan permulaan langkah di jalan baru, langkah dinamik yang memberi perhatian dan sewajarnya kepada kecemerlangan di dunia dan di akhirat.

Title
TWELVE RED HERRINGS

Author
Archer, Jeffrey

Publisher
Harper Collins, 1994


JEFFREY Archer has been acclaimed as 'probably the greatest storyteller of our age' and 'storyteller in the class of Alexandre Dumas'. Of his stories the Sunday Express wrote: Jeffrey Archer brings to the short story all the sophisticated skills that have been the foundation of his success as a novelist. In each of his stories, men and women are put under pressure - how do they react when they have an opportunity to seize, a crucial problem to solve, a danger to avoid? Archer plunges his readers twelve times into impeccably paced plots that will arrest them in the first paragraph and then keep them turning the pages as only he knows how. And for the first time in a Jeffrey Archer collection, he offered in the final story a choice of endings - a device intriguing in itself and indicating the variety of directions in which a great storyteller can



Penerbit
Dewan Bahasa & Pustaka
Tebal
427 Muka surat

Pengulas
Mohd Aziz bin Abas

Yang menentukan sama ada wawasan 2020 itu adalah satu harapan atau impian, satu cita-cita atau khayalan adalah aktiviti pemahaman, kesedaran penerimaan, rasa pemilikan, komitmen, dedikasi, kesungguhan, ketekunan dan pengorbanan yang dilakukan oleh setiap individu. Tanpa perancangan dan pengarahan budaya bagi mengubah suai falsafah, nilai dan corak hidup individu ke arah satu bentuk personaliti yang dinamik harapan negara mencapai wawasan 2020 mungkin menjadi impian sahaja. Oleh itu buku ini membincangkan modifikasi dalam sistem kepercayaan, cofak pemikiran dan strategi bertindak yang diperlukan untuk penghayatan wawasan pembangunan negara yang bermakna.



Collation
323p

Review By
Hajah Alimah Salam


lead you down the wrong path.

Twelve Red Herrings is full of characteristically Archerian twists. But additionally, there is buried in each story a diversion of a kind - call it simply a red herring - which he challenges his readers to uncover. Will you be the first to spot all twelve?

Jeffrey Archer is Britain's top-selling novelist. He served in the House of Commons from 1969 to 1974, and was Deputy Chairman of the Conservative Party from 1985 - 1986. He was created a Life Peer in the Queen's Birthday Honours of 1992. His other works available in the library are:

- i. First among equals. Coronet Books, 1984
- ii. Honour among thieves. Harper Collins, 1994
- iii. Kave and Abel. Chancellor Press, 1992
- iv. Matter of honour. Coronet Books, 1987.


Aktiviti



Persembahan teater kanak-kanak 'Awang dengan Pokok Kacang' di Bahagian Kanak-kanak PPKL




Mailis perjumpaan Kelab Sahabat Pustaka Peringatan Kuala Lumpur.



Pembentangan hasil tugas oleh para peserta 'Bengkel Kemahiran Mencari Maklumat' pada 7-8 Nov. 1994




Sebahagian peserta Bengkel Kemahiran Mencari Maklumat anjuran bersama PPKL dan Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan.



Kempen keahlian di Sekolah Menengah Sri Ampang

Rustaka

BERNAMA NEWSLINK SERVICE AT PPKL



THE NEWS AT YOUR FINGER-TIPS

To further improve our service we provide **BERNAMA Newslink** service to our users. Bernama Newslink is the latest innovation from Malaysia national news agency. No more leafing through newspapers. Just push a button on computer and you have report of latest events around the country and around the world.

Newslink gives you the news fast, it enhance you decision making by keeping you up-to-date with the latest developments in domestic and international affairs. With Newslink, you can access **BERNAMA'S** domestic, economic and world news services.

Domestic News

Get a comprehensive account of all major news breaks in the country. From government policy to politics, trade and industry, agriculture to any news of general interest.

Economic News

Receive the latest economic reports from national and international news. There are also reports on local corporate events, financial and commodity news. Other economic news, the latest from Kuala Lumpur Stock Exchange.

World News

With **Newslink** you have access to

the most complete world news.

Other News

Newslink gives you access to other news services including a daily news digest of newspaper headlines and editorials in all major newspaper in Malaysia.

You don't have to be a computer expert to use **Newslink**-it's user friendly. Get the news the new way with **BERNAMA Newslink**. You'll have the news at your finger-tips.

Prepared by Mohd Aziz bin Abas

“Orang akan tetap menjadi ahli ilmu sejati selama masih menuntut. Tetapi pada suatu ketika apabila ia berkata “Aku sudah pintar” maka tetapkanlah bahawa ia sudah menjadi bodoh dengan sendirinya”.

-LUKMANUL HAKIM-

TAHUKAH ANDA? SAMA HADUHAT

JALAN RAJA ABDULLAH atau nama lamanya Jalan Hale adalah nama jalan yang tidak asing pada wargakota. Jalan Raja Abdullah merupakan jalan yang utama dan terpanjang sekali di Kampung Baru. Panjang jalan ini adalah 1.5 kilometer. Jalan Raja Abdullah ini menghubungkan Jalan Raja Muda Abdul Aziz (dari persimpangan berhampiran dengan Stadium TPCA atau Stadium Jalan Raja Muda) hingga ke Jalan Dang Wangi.

TAHUKAH ANDA bagaimana Jalan Raja Abdullah mendapat namanya? Nama Jalan Raja Abdullah adalah sempena nama Raja Abdullah Bin Raja Ja'afar iaitu orang yang mula-mula sekali menjumpai tempat di tepi tebing muara Sungai Klang dengan Sungai Gombak di Kuala Lumpur. Raja Abdullah adalah anak kepada Raja Ja'afar bin Raja Ali seorang Raja Melayu Bugis dari Riau yang membuka lombong bijih timah di Lukut. Raja Abdullah berkahwin dengan anak saudara Sultan Muhammad yang bernama Raja Khalijah binti Raja Haji ibn AlMarhum Sultan Ibrahim (Sultan Selangor yang kedua: 1778-1826). Beliau mempunyai lima orang anak iaitu Raja Hassan, Raja Ismail, Raja Abdul Rahman, Raja Mohamad dan Raja Empih. Raja Empih anak bongsu Raja Abdullah mempunyai tiga orang anak iaitu Raja Osman, Raja Aishah dan Raja Maznah.

Pada tahun 1857, Raja

Abdullah bersama abangnya Raja Juma'at telah membawa pekerja-pekerja China yang didatangkan dari Lukut seramai 87 orang memudiki Sungai Klang dengan tujuan mencari tempat yang baik di hulu Sungai Klang hendak membuka lombong bijih timah. Setelah beberapa lama memudiki Sungai Klang, Raja Abdullah dan orang-orangnya telah sampai pada suatu tempat di tebing persimpangan pada suatu tempat di tebing Sungai Klang dengan Sungai Gombak, dan Raja Abdullah telah memilih tempat itu bagi tempat pendaratan barang-barang dan orang-orangnya yang dibawa dari Klang; tempat itu disebut namanya Kuala Lumpur. Dari tempat persimpangan Sungai Klang dengan Sungai Gombak yang disebut Lumpur itu dijadikan pangkalan tetap oleh Raja Abdullah dan orang-orangnya untuk hilir mudik di Sungai Klang pergi datang antara Klang dengan Ampang. Sempena dengan persimpangan Sungai Klang dengan Sungai Gombak yang berlumpur itu, tempat pendaratan Raja Abdullah itu dinamakan Kuala Lumpur. Pada tahun 1869, Raja Abdullah telah mangkat dan dikebumikan di Ketapang, Melaka.

Nama Raja Abdullah kini telah disemadikan sebagai nama jalan di Kampung Baru Kuala Lumpur. Pemilihan nama Raja Abdullah sebagai nama jalan di Kampung Baru adalah tepat sekali kerana Kampung Baru adalah penempatan orang-orang Melayu

yang terawal dan kekal hingga ke hari ini. Jalan Raja Abdullah adalah jalan keluar masuk utama di Kampung Baru. Sekiranya anda melalui Jalan Raja Abdullah, sudah pasti anda akan menempuh persimpangan jalan seperti Jalan Raja Uda, Jalan Raja Mahmud, Jalan Raja Alang, Jalan Raja Muda Musa, Jalan Datuk Abdul Razak, Jalan Raja Ali, Jalan Raja Mahadi, Jalan Khatib Koyan, Jalan Dewan Sultan Sulaiman dan Jalan Sultan Ismail. Berbagai bas dan bas mini melalui jalan ini untuk menuju ke destinasi masing-masing. Di sepanjang Jalan Raja Abdullah terdapat banyak rumah-rumah kediaman dan tempat-tempat perniagaan. Jika anda melalui Jalan Raja Abdullah sudah pasti anda akan terjumpa dengan bank-bank perdagangan seperti Bank Bumiputera dan Public Bank, kedai edaran kereta nasional seperti EON dan PERODUA dan hotel-hotel milik bumiputera seperti Apartment Sharano dan Sharie Lodge. Di sini juga terletaknya Klinik Ibu Mengandung dan Kanak-Kanak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan Sekolah Rendah Khas Kanak-Kanak Cacat Pendengaran. Masjid Jamek Kampung Baru terletak di persimpangan Jalan Raja Abdullah dan Jalan Raja Alang. Adalah tidak sempurna jika melalui Jalan Raja Abdullah jika tidak singgah di Masjid Jamek Kampung Baru.

Oleh: Ahmad Junaidi bin Hj. Tajuddin

| B | N | O | P | G | I | K | K | Q | S | D | C | B | P |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| R | R | A | Z | A | N | A | I | J | P | L | L | T | O |
| S | F | Y | J | T | A | B | A | H | A | S | N | O | B |
| Y | V | B | N | J | T | A | B | I | N | U | R | E | E |
| T | T | P | E | N | G | E | R | U | S | I | N | T | R |
| K | R | A | J | H | R | O | U | C | V | I | T | O | N |
| C | V | G | K | K | M | E | N | D | H | O | N | P | A |
| O | Q | D | L | E | A | R | S | O | S | E | A | I | M |
| B | I | A | M | Q | R | A | P | I | E | R | R | Y | A |
| B | D | F | L | F | N | I | A | P | P | L | E | O | I |
| U | S | A | F | B | L | T | K | E | M | A | J | Y | T |
| H | N | A | O | Q | I | V | G | O | L | F | O | A | |
| I | N | U | L | M | A | R | G | O | L | L | K | P | C |

Soalan

1. Apakah jawatan yang dipegang oleh Y. Bhg. Dato' Matshah Safuan di dalam pentadbiran PPKL?
2. Nama singkatan Pertubuhan Berita Nasional Malaysia
3. Nama Inggeris bagi Peringatan
4. Apakah nama Kelab untuk Wargatua PPKL
5. Siapakah yang merekabentuk bangunan Masjid Jamek
6. Siapakah nama pengarang "Twelve Red Herrings"?
7. Nama Program Membaca yang dilancarkan oleh Y. B. Dr. Leo Michael Toyad
8. Nama Masjid Tertua di Kuala Lumpur.

(Jawapan terdapat dalam artikel-artikel majalah keluaran ini.)

* Sila tandakan jawapan anda

DATO' HAJI MATSHAH SAFUAN dilahirkan pada 6 April 1947 di Kampung Baru Kuala Lumpur. Beliau mendapat pendidikan awal di Batu Road School, Kuala Lumpur dan kemudiannya meneruskan pengajian di Sekolah St. Gabriel, Kuala Lumpur dan Sekolah Tinggi Kajang. Beliau menyambungkan pengajiannya di Melbourne Australia dalam bidang Pentadbiran Perniagaan dan memperolehi Diploma Pentadbiran Perniagaan pada tahun 1971.

Dato' Matshah Safuan adalah seorang tokoh anak Melayu Kampung Baru Kuala Lumpur yang berjaya dan merupakan seorang tokoh usahawan yang disegani. Beliau telah mendirikan sebuah bangunan pejabat Safuan Group yang terletak di Jalan Raja Abdullah, Kuala Lumpur untuk digunakan sebagai ibu pejabat.

Safuan Group memiliki aset antara lain seperti Plaza Safuan di Jalan Raja Alang, Chow Kit, Menara Safuan di Jalan Ampang dan pelbagai projek hartanah antaranya di Port Dickson yang menjadi impiannya bernilai lebih RM 1 billion. Projek ini dinama-



KUALA LUMPUR — Dato' Haji Matshah Safuan, salah seorang ahli kewangan terkemuka di negara ini, mengatakan Kota Impian yang mengandungi tiga buah hotel, kondominium, marina kompleks perniagaan, sejumlah latihan industri bertaraf antarabangsa

Selain terlibat dalam harta tanah beliau juga mendapat hak francis daripada Regency International USA untuk menguruskan hotel rangkaian Regency bagi rantau Asia Pasifik. Bagi membawa Kumpulan Safuan menjadi konglomerit bertaraf dunia beliau akan meneroka peluang di seberang laut. Setakat ini beliau telah meneroka pasaran Hong Kong dan Australia.

Bagi memastikan Kumpulan Safuan mempunyai kesinambungan pengurusan beliau telah melatih adik-adiknya untuk mengendalikan kumpulan termasuk anak-anak syarikat. Ini membolehkan beliau mempunyai masa untuk melibatkan diri dalam

aktiviti-aktiviti yang memberi sumbangan kepada masyarakat dan negara.

Dato' Matshah juga terlibat secara aktif dalam bidang politik terutama sumbangan beliau ke atas politik Kampung Baru di mana beliau menjawat jawatan sebagai Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Bahagian Setapak, Kuala Lumpur dan Ahli Jawatankuasa Pergerakan Pemuda UMNO Wilayah Persekutuan dan beliau juga merupakan salah seorang ahli kelab Selangor Darul Ehsan. Beliau kini merupakan Timbalan Ketua Bahagian UMNO Titiwangsa dan sentiasa melibatkan diri dalam lain-lain aktiviti untuk memberi sumbangan kepada masyarakat dan negara.

Selain penglibatan beliau dalam dunia perniagaan dan kegiatan politik, Dato' Matshah Safuan pernah dilantik menjadi Ahli Lembaga Penasihat Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dari tahun 1987 hingga 1993. Dato' Matshah Safuan juga terlibat dalam pengurusan Pustaka Peringatan Kuala Lumpur di mana beliau adalah Pengerusi Lembaga Pengurusan Persatuan Perpustakaan Kuala Lumpur sejak dari tahun 1989 hingga ke hari ini.

Pustaka Peringatan Kuala Lumpur. Sebuah Monolog

Di persinggahan ini
Aku merenung dan mengimbas kembali
Detik-detik kenangan kewujudanmu
Hadir mu di sini
Bak mentari menyinari dunia
Bersinar dan bersinar
Mambawa berjuta pengharapan
Dan kesenangan mungkin
Buat anak-anak bangsa
Mancari, meneroka dan menjelajah
Terisilah masa yang terluang
Kaulah sumber ilmu dan pengetahuan
Kewujudanmu di tengah-tengah kota metropolitan
Tersergam indah keunikan yang mempersona
Kau begitu bermakna
Buat aku, buat dia
Buat kita semua
Tatapan sejati anak-anak generasi berwawasan
Kini dan selama-lamanya

*Nukilan
Noorlizah Bt A. Dullah*